

11/01/1999

Zaharah mampu tingkat fungsi wanita

KUALA LUMPUR, Ahad - Pelantikan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman ke jawatan menteri penuh disifatkan mampu meningkatkan lagi fungsi wanita dalam proses membuat keputusan di negara ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail, berkata pelantikan itu juga mampu menjayakan sasaran 30 peratus penyertaan wanita dalam kepemimpinan negara ini.

"Dengan pelantikan ini, penyertaan wanita dalam proses membuat keputusan telah meningkat daripada lapan peratus kepada 12 peratus berbanding sasaran sebenar 30 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Kempen Amal 'We Care We Share' di sebuah pusat beli-belah di Pandan Indah di sini, hari ini.

Sasaran 30 peratus bagi penyertaan wanita dalam proses membuat keputusan di negara ini ditetapkan dalam suatu persidangan kepemimpinan wanita antarabangsa kira-kira dua tahun lalu.

Sambil melahirkan rasa gembira dengan pelantikan Dr Siti Zaharah, Zaleha berkata, kaum wanita juga amat bertuah kerana mendapat kepercayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kepemimpinan negara ini.

(END)